



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

PELAN STRATEGIK UMT 2018 - 2022

TEROKAAN SELUAS LAUTAN, DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

**PELAN
STRATEGIK UMT**
2018 - 2022

PELAN STRATEGIK UMT 2018 - 2022



Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR)
Bangunan Canselori, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Nerus, Terengganu
Terengganu Darul Iman
2019

PELAN STRATEGIK UMT 2018-2022

Hak Cipta Terpelihara © 2019. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

© 2019 All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Director, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

Diterbitkan oleh / Published in Malaysia by

Penerbit UMT,
Universiti Malaysia Terengganu,
21030 Kuala Nerus,
Terengganu, Malaysia.

<http://penerbit.umt.edu.my>

E-mel: penerbitumt@umt.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Universiti Malaysia Terengganu
PELAN STRATEGIK UMT 2018-2022.
ISBN 978-967-2320-17-3

1. Universiti Malaysia Terengganu--Planning.
2. Education, Higher--Aims and objectives--Malaysia--Terengganu.
3. Strategic planning--Malaysia--Terengganu.
4. Education, Higher--Malaysia--Terengganu.
5. Government publications--Malaysia.

I. Judul.

378.10709595122

Set in Myriad Pro

Reka bentuk dan Reka Letak : Penerbit UMT
PKK UMT

Dicetak oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Lot SK. 53
Kawasan Perindustrian Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu.

ISI KANDUNGAN

Bicara Pengerusi LPU	2
Tinta Naib Canselor	3
Ringkasan Eksekutif	4
Latar Belakang UMT	6
Pengenalan	8
Teras Pelan Strategik UMT 2018 - 2022	9
Proses Penyediaan Pelan Strategik UMT 2018 - 2022	10
Pelaksanaan dan Pemantauan	14
Falsafah, Visi, Misi, Bidang Tujahan dan Slogan UMT	15
Nilai Teras UMT	16
Kerangka Pelan Strategik UMT 2018-2022	20
Teras Pelan Strategik UMT 2018 - 2022	
Teras 1: Pemerksaan Bakat	22 ■
Teras 2: Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran	28 ■
Teras 3: Pembangunan Pelajar	36 ■
Teras 4: Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi	42 ■
Teras 5: Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri	52 ■
Teras 6: Keterlihatan Global	60 ■
Teras 7: Kelestarian Kewangan	66 ■
Teras 8: Pemantapan Citra	72 ■
Kesimpulan	80
Penghargaan	82

“trend global teknologi digital baharu atau lebih dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) perlu ditafsir sebagai peluang dan merupakan titik fokus universiti untuk merencana tindakan yang lebih bersifat **dipacu industri (industry-driven)”**



Bicara Pengerusi LPU

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 berjaya dihasilkan dengan usaha tanpa jemu seluruh warga UMT.

Sejak 2015, kerajaan telah melaksanakan transformasi sektor pendidikan tinggi yang dinamik bagi menunjangi cabaran semasa pendidikan masa kini. Sebagai contoh, trend global teknologi digital baharu atau lebih dikenali sebagai Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) perlu ditafsir sebagai peluang dan merupakan titik fokus universiti untuk merencana tindakan yang lebih bersifat dipacu industri (*industry-driven*). Apa yang lebih utama adalah kesiapsiagaan UMT dalam memanfaatkan peluang dan kesediaan industri agar jaringan universiti-industri lebih harmoni.

Sesungguhnya, aspirasi yang tinggi terkandung di dalam Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 mampu dicapai dengan tindakan bersepadu semua pihak berkepentingan dalam hasrat mengorak langkah menuju sistem pendidikan ke tahap yang lebih cemerlang. UMT sangat komited kepada hasrat ini dan melalui dokumen pelan strategik ini, UMT memainkan peranan penting dalam mendokong dan melaksanakan hasrat kerajaan supaya modal

insan yang dilahirkan adalah seimbang dan holistik dengan minda keusahawanan, berketrampilan dan berdaya saing.

Saya mewakili Lembaga Pengarah Universiti ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dalam menjayakan penghasilan buku ini. Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 ini dilihat sebagai sebuah dokumen rasmi yang bersepadu meneladani Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan kesinambungan kepada PSUMT 2013-2017 dengan beberapa penambahbaikan bagi mencapai visi dan misi pendidikan tinggi Malaysia umumnya dan UMT khususnya.

Akhir kata, diharap semua warga UMT dapat menghayati inti pati Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 ini dan menjadikannya sumber rujukan dalam melaksanakan dasar pembangunan universiti demi merealisasikan visi dan misi UMT.

TAN SRI DATO' SERI (DR.) HALIM BIN MOHAMMAD
PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

“bagi memastikan UMT terus relevan seiring dengan keperluan semasa, maka penglibatan dan peranan pihak industri khususnya dalam pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta penyelidikan dan inovasi terus diperkasa dan dizahirkan melalui PSUMT ini”



Tinta Naib Canselor

Segala puji bagi Allah, kerana dengan keizinan-Nya jua, UMT sekali lagi bersepakat dalam menyediakan perancangan lima tahun yang diterjemahkan melalui penggubalan Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022.

Kedinamikan ekosistem pendidikan tinggi sejajar dengan era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) memerlukan UMT sebagai sebuah universiti yang sedang membangun bergerak pantas menyerap segala perubahan agar sentiasa duduk sama rendah, berdiri sama gagah dengan universiti terkemuka lain.

Oleh yang demikian, Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 ini dibentuk dengan mengadaptasikan segala perubahan yang selari dengan agenda negara dengan ditunjangi oleh lapan teras utama yang digabungkan bersama 27 objektif strategi dan 86 inisiatif serta dinilai pencapaiannya melalui 43 Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Selain itu, bagi memastikan UMT terus relevan seiring dengan keperluan semasa, maka penglibatan dan peranan pihak industri khususnya dalam pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta penyelidikan dan inovasi terus diperkasa dan dizahirkan melalui PSUMT ini.

Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 juga menggarapkan segala aspirasi dan perancangan yang mampu melonjakkan pencapaian UMT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. UMT akan memastikan agar kedudukan dalam pelbagai sistem penarafan akan terus meningkat seterusnya menyerlahkan kehebatan UMT di persada pendidikan tinggi kebangsaan dan global.

Sebagai penutup bicara, saya optimis bahawa seluruh warga UMT membulat tekad bersama-sama menghayati dan menjadikan Buku Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 sebagai tonggak dalam mengemudi UMT ke arah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani global. Mari kita terus beristiqamah dalam memanifestasikan segala perancangan ini agar mampu menjulang UMT ke puncak jagat.

UMTSohor!


PROF. DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Ringkasan Eksekutif



Aspirasi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk menjadi peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik terunggul dalam negara dan disegani global diteruskan melalui penggubalan Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 yang bertonggakkkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) 2015-2025. Perancangan lima tahun akan datang ini masih mengekalkan visinya untuk menjadi sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global serta misinya dalam menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam.

Pelan Strategik UMT 2018-2022 terbina hasil rangkuman lapan teras utama yang relevan dengan fungsi UMT sebagai sebuah gedung ilmu yang dinamik, berdaya saing serta bergerak seiring dengan wawasan nasional. Lapan teras tersebut ialah Pemeraksanaan Bakat, Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Pembangunan Pelajar, Keunggulan Penyelidikan, Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, Keterlihatan Global, Kelestarian Kewangan dan Pemantapan Citra. Kesemua teras ini diperteguhkan dengan 27 Objektif Strategi (OS), 86 inisiatif disamping 43 petunjuk prestasi utama serta pelan tindakan yang dinamik mengikut kesesuaian semasa.



Kaedah pemantauan diperkemas bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya melalui petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah disinergikan bersama Petunjuk Prestasi Utama Menteri (MKPI). Selain itu, setiap teras strategik juga mempunyai seorang pengerusi yang bertanggungjawab memastikan perancangan setiap teras dilaksanakan dengan baik.

UMT juga telah membina lima nilai teras yang menjadi pegangan dan perlu dihayati oleh seluruh warganya bagi memastikan kebersamaan dan persefahaman dalam mengemudi UMT ke arah kegemilangan. Nilai-nilai teras tersebut ialah Ghairah kepada Kebenaran, Menjejar Kecemerlangan, Pemeraksanaan Kepimpinan Akademik, Menghormati Kepelbagaian Kecerakanan dan Menyemai Kecintaan Alam.

Pelan Strategik UMT 2018-2022 merupakan sebuah naskah yang menzahirkan iltizam dan wawasan seluruh warga UMT. Sokongan padu serta keterlibatan semua dalam melaksanakan pelan yang telah direncanakan ini memastikan UMT berada pada haluan tepat sejajar dengan visi dan misinya.

**Peneraju Ilmu
Kelautan dan
Sumber Akuatik
Terunggul
Dalam Negara dan
Disegani Global**





GPS Koordinat: 5° 24' 27.1001" N 103° 5' 16.8" E

Latar Belakang Universiti Malaysia Terengganu


Terletak di pesisir Laut China Selatan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mula bertapak sebagai sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera di bawah naungan Universiti Pertanian Malaysia (kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia). Ia mula beroperasi pada tahun 1979 di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu dan berfungsi menyediakan kemudahan latihan kepada pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan kepada pensyarah.

Pada bulan Jun 1996, Pusat Perikanan dan Sains Samudera telah dinaik taraf sebagai sebuah kampus cawangan UPM yang dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT). Melalui penstrukturan semula ini, Fakulti Perikanan dan Sains Samudera, UPM telah dipindahkan dari Serdang ke Kuala Terengganu dan dijenamakan semula sebagai Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi. Selain itu, Fakulti

Sains dan Sastera Ikhtisas serta Pusat Pengajian Matrikulasi turut ditubuhkan di kampus cawangan ini.

Jemaah Menteri pada bulan Mei 1999 telah meluluskan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) sebagai sebuah kampus bersekutu UPM. Seterusnya, pada 1 Mei 2001, KUT telah diberi kuasa autonomi dan dijenamakan semula sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Penubuhan KUSTEM adalah selari dengan hasrat kerajaan supaya kolej ini menjadi peneraju bidang sains dan teknologi.

Pada 1 Februari 2007, sejarah terpahat apabila KUSTEM dinaik taraf sebagai sebuah universiti penuh dan dikenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Perbadanan) – (P.U. (A) 27/2007).



PELAN STRATEGIK UMT 2018 - 2022

Pengenalan

Terokaan Seluas Lautan, demi Kelestarian Sejangat. Slogan ini menggambarkan Universiti Malaysia Terengganu menanam hasrat membulat tekad untuk menjadi sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global dengan misi untuk menjana ilmu demi kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam.

Di dalam mendepani era yang bergerak pantas, UMT perlu sentiasa peka dan bergerak seiring dengan arus semasa. Sebagai sebuah universiti yang sedang membangun, UMT perlu bijak merancang agar tidak ketinggalan dan mampu berdiri sama gagah bersama universiti terkemuka lain. Hasrat, tekad dan matlamat ini dinukilkan melalui naskhah Pelan

Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 dan akan direalisasikan melalui pelaksanaan bersama secara sistematik.

Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 merupakan sebuah perancangan bersama yang terbentuk hasil input daripada segenap lapisan warga serta pemegang taruh. Ia merupakan kesinambungan perancangan yang telah dilaksanakan pada fasa lima tahun terdahulu (2013-2017) di mana segala kekurangan dan kekangan yang telah dikenal pasti kini ditambah baik dan disesuaikan dengan anjakan semasa. Bagi memastikan pelaksanaan yang nyata bagi Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022, dokumen ini juga akan disokong oleh dokumen *UMT Marine 4.0 Blueprint*.

Teras Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022

Selari dengan keperluan semasa, UMT melalui pelan strategik baharu ini memfokuskan kepada lapan teras utama iaitu Teras Pemerkasaan Bakat, Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Teras Pembangunan Pelajar, Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Teras Memacu Pemandangan Ilmu dan Jaringan Industri, Teras Keterlihatan Global, Teras Kelestarian Kewangan dan Teras Pementapan Citra.

Keperluan bakat sebagai modal insan merupakan tunjang utama yang akan memastikan segala perancangan UMT dapat dilaksanakan. Melalui pelan strategik ini, fokus diberikan kepada agenda memperkasa bakat sama ada bakat akademik atau sokongan akademik agar lebih berdaya saing, kreatif dan cemerlang yang akhirnya dapat ditindik menjadi pakar rujuk dalam bidang tertentu.

Pembelajaran dan Pengajaran merupakan operasi utama sesebuah universiti. Teras ini memberi penekanan kepada melahirkan pelajar cemerlang yang seimbang dan berkebolehpasaran tinggi. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, penekanan juga diberikan kepada kualiti program pengajian, penglibatan industri serta kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian.

Aspek pembangunan pelajar pula menjadi pelengkap kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam melahirkan pelajar holistik yang cemerlang dan seimbang melalui pengalaman pembelajaran berbentuk formal dan non-formal, sejajar dengan keperluan semasa.

Penyelidikan dan inovasi juga menjadi tradisi hakiki bagi sesebuah universiti. Terokan dan penemuan ilmu baharu, menjalankan kajian pembangunan teknologi dan penghasilan produk serta bersedia memindahkan pengetahuan kepada komuniti dan pelbagai pihak berkepentingan menjadi fokus kepada teras ini.

Aktiviti pemindahan ilmu merupakan antara peranan yang perlu dimainkan oleh sesebuah universiti. Hasil penyelidikan dan inovasi menjadi lebih bernilai apabila ia mampu dipindah dan dikongsi bersama untuk pembangunan komuniti, industri dan negara secara umum.

UMT perlu lebih menonjol sebagai pemain global untuk terus bersaing dan kekal relevan. Oleh itu, pemerkasaan aktiviti pengantarabangsaan perlu diberi perhatian tinggi khususnya dari segi meningkatkan bilangan pelajar dan pensyarah antarabangsa dan melebarkan jaringan antarabangsa melalui aktiviti penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran serta program silang budaya.

Kelestarian Kewangan pula akan memberi tumpuan kepada strategi UMT dalam menjana pendapatan sendiri untuk kelangsungan operasinya tanpa mengharapkan sumber kewangan kerajaan semata-mata. Pelbagai peluang menjana pendapatan telah dikenal pasti khususnya melalui endowmen dan waqaf, pelaburan, pengkomersialan produk penyelidikan, perundingan, penyewaan aset dan fasiliti universiti di samping amalan penjimatan.

Akhirnya, segala kepakaran, keunikan, pencapaian dan kejayaan yang menjadi *WOW factor* UMT perlu ditonjolkan citra atau imejnya agar lebih dikenali seantero dunia. Dalam usaha memantapkan citra UMT, perhatian diberikan kepada beberapa strategi seperti memperbaiki kedudukan dalam sistem penarafan universiti seperti QS University Ranking, Webometrics, MyRA dan SETARA. Di samping itu, UMT turut memperkasa strategi promosi dan publisiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Proses Penyediaan Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022

UMT telah memberi mandat kepada Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR) untuk menyelaras penyediaan PSUMT 2018-2022. Berpegang kepada prinsip kebersamaan dalam membuat keputusan, UMT telah melibatkan wakil-wakil daripada setiap kategori staf, pelajar dan pihak-pihak berkepentingan dalam dan luar UMT bagi mendapatkan input serta pandangan mereka. Bermula dengan Sesi Percambahan Idea bersama Profesor UMT pada November 2016, 10 sesi yang sama diteruskan bermula Januari – Ogos 2017 bersama wakil pensyarah di semua pusat pengajian, wakil staf kumpulan Pengurusan dan Profesional serta staf sokongan, wakil pelajar serta industri.

Pelbagai input yang diperoleh hasil sesi percambahan idea ini telah dianalisis dan diperkemas seterusnya dibincangkan semula pada Bengkel PSUMT 2018-2022 Siri 1: Bersama Pegawai Pengurusan dan Profesional pada 13-14 Ogos 2017.


Pada 20-23 September 2017, UMT telah mengadakan Bengkel PSUMT 2018-2022 Siri 2: Bersama Pegawai Utama dan Pegawai Kanan UMT. Pada platform ini, hasil daripada

siri bengkel sebelum ini dibentang, dibahas, dimurnikan dan dibentangkan semula untuk hasil yang lebih mantap. Melalui bengkel ini juga UMT telah menyenaraikan objektif strategi, program strategik dan KPI bagi setiap teras.

Sepanjang bulan Oktober – November 2017, UMT melalui TSR telah mengadakan lapan siri bengkel pemurnian melibatkan lapan teras strategik. Melalui sesi ini, hasil daripada bengkel utama sebelum ini diteliti dan diperkemas, manakala setiap KPI diletakkan sasaran tahunan. Selain itu, setiap teras juga menyediakan cadangan pelan tindakan atau projek yang akan dilaksanakan bagi menyokong sasaran KPI yang telah ditetapkan.

Pada penghujung November 2017, pasukan TSR telah memulakan gerak kerja reka letak dan penulisan draf buku Pelan Strategik UMT 2018-2022. Draf yang telah dimurnikan ini kemudiannya dibawa untuk perakuan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) pada 10 Jun 2018 dan seterusnya kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 25 September 2018.





Penjajaran Struktur Organisasi Menyokong Pelaksanaan PSUMT 2018-2022

Pemantapan tadbir urus atau governan sesebuah universiti merupakan sebuah agenda penting yang bergerak seiring dengan pelaksanaan pelan strategik. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan berdaya saing, UMT sentiasa meneliti dan mengemaskini sistem governan yang menjadi salah satu mekanisme penting bagi menyokong pelaksanaan segala perancangan yang telah digariskan melalui Pelan Strategik UMT 2018-2022.

Perubahan dan keperluan semasa mewajarkan UMT untuk melakukan penjajaran kepada struktur organisasi dan fungsi demi meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran bagi mendukung visi UMT menjadi sebuah universiti berfokus maritim terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global. Inisiatif ini juga adalah seiring dengan konsep pengurusan kejit atau (*lean management*) untuk meningkatkan nilai tambah dan kualiti secara berterusan.

Rasional kepada penjajaran struktur organisasi ini adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu mengukuhkan bidang tujuhan dengan mengelompokkan program

pengajian yang mempunyai bidang ilmu yang sama; mensinergikan kepakaran pensyarah dalam suatu kelompok bidang bagi memperkasa dan melonjak keterlihatan UMT khususnya dalam bidang tujuhan; menyusun semula pusat tanggungjawab, bahagian, seksyen atau unit mengikut fungsinya bagi mengelakkan berlakunya pertindihan atau keberulangan fungsi; memastikan penempatan sumber manusia dan norma perjawatan selari dengan kefungsiannya sesuatu jawatan seterusnya mengoptimalkan keperluan personel serta menjamin pengurusan kewangan yang lebih cekap.

Kesimpulannya, penjajaran struktur organisasi UMT adalah sebahagian daripada inisiatif yang mendukung Pelan Strategik UMT 2018-2022. Malah penjajaran ini diharapkan dapat mencetus perubahan pada budaya kerja warga UMT dan menjadi nilai tambah kepada tadbir urus UMT agar lebih efisien serta meningkatkan keberkesanan dalam operasi keseluruhan, khususnya bagi terus menonjolkan kekuatan UMT dalam bidang tujuhan ilmu kelautan dan sumber akuatik.





Pelaksanaan dan Pemantauan

Kesemua lapan kerangka teras Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 telah dibangun dengan mengambil cakna perspektif dan keperluan semua pihak berkepentingan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab seluruh warga UMT untuk menghayati, menyokong dan melaksanakan bersama pelan strategik ini dengan jayanya. Bagi memastikan pelan strategik ini dijalankan dengan lebih berfokus dan berkesan, satu pendekatan pelaksanaan dan pemantauan telah disusun secara terancang dan sistematik.


Proses pemantauan akan dijalankan pada setiap sukuan oleh Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR). Laporan sukuan pelaksanaan setiap inisiatif

berlandaskan petunjuk prestasi utama (KPI) akan dilaporkan oleh setiap Pengerusi Teras yang dilantik secara rasmi oleh pengurusan universiti. Rekod dan hasil pemantauan ini pula akan disediakan oleh TSR untuk dilaporkan kepada pengurusan universiti.

PSUMT yang telah dirancang ini juga akan menyokong tekad dan aspirasi kecemerlangan Pendidikan Tinggi Malaysia berdasarkan indikator beberapa mekanisme pencapaian universiti lain seperti Petunjuk Prestasi Utama Menteri (MKPI), QS World University Rankings, MyRA dan SETARA.



Falsafah, Visi, Misi, Bidang Tujahan dan Slogan UMT





NILAI TERAS UMT





► Nilai Teras 1: Ghairah kepada Kebenaran/*Passion for Truth*

Nilai teras ini berhasrat memupuk kepercayaan yang tinggi terhadap kebenaran. Kepercayaan ini perlu dijemakan dalam proses pencarian ilmu (penyelidikan), penyampaian ilmu (pengajaran), dan perkongsian serta pemindahan ilmu.

Penyelidikan dengan menggunakan kaedah sains yang tepat (*good science*) merupakan asas dalam mencari kebenaran. Warga UMT perlu meletakkan kebenaran sebagai agenda utama dalam kerjaya. Mereka tidak harus berpuas hati dengan kebenaran yang ada, dan perlu terus meneroka kebenaran. Kebenaran adalah pakaian keilmuan atau kesarjanaan.

Warga UMT perlu berkongsi ilmu (kebenaran) sesama rakan sepekar dan keserakanan melalui pendekatan budaya ilmu (wacana, seminar dan persidangan) dan penulisan ilmiah. Sumbangan ilmu dari rakan sepekar perlu sentiasa diakui sebagai sumber rujukan.

Warga UMT perlu menyampaikan ilmu (kebenaran) kepada pelajar dan masyarakat (kerajaan, industri dan komuniti). Kebenaran fakta dan maklumat perlu sentiasa diutamakan. Ini hanya dapat dilaksanakan dengan cemerlang jika kita memberikan tumpuan dalam bidang dan kepakaran sendiri.

► Nilai Teras 2: Mengejar Kecemerlangan/*Pursuit of Excellence*

Kecemerlangan merupakan 'kualiti tertinggi' yang boleh dicapai oleh individu atau institusi pada saat sumbangannya disampaikan. Ia berkait rapat dengan iltizam tinggi, keupayaan intelek dan pengalaman. Jika keupayaan menyumbang dipertingkatkan, kecemerlangan juga akan terus meningkat.

Untuk mengejar kecemerlangan, setiap warga perlu menanam semangat kecintaan yang tinggi terhadap ilmu dan tanggungjawab yang diamanahkan (kerja). Semangat ini perlu dijemakan dalam bentuk hasil sumbangan (output) yang terbaik.

Dalam dunia akademik, hasil yang cemerlang bermula daripada idea yang bernas, kajian yang berkualiti dan keupayaan intelek yang tinggi. Ahli akademik perlu sentiasa mengasah keupayaan intelek sepanjang kerjayanya.

Kecemerlangan adalah satu tahap kualiti di hadapan perjalanan kita. Kita perlu mengejar kecemerlangan melalui proses penambahbaikan berterusan, menggunakan pengetahuan baharu, dan pendekatan pencarian dan penyampaian terkini. Usaha ini boleh dicapai melalui pendekatan 'penyelidikan sepanjang hayat'.

► Nilai Teras 3: Pemerksaan Kepimpinan Akademik/*Empowerment of Academic Leadership*

Ahli akademik adalah pemimpin ilmu kepada diri, pelajar dan masyarakat. Kepimpinan ilmu tidak terhad pada tahap universiti (tempatan), tetapi perlu terus dipertingkatkan ke tahap kebangsaan dan global. Kepimpinan akademik (ilmuwan) bersifat sejagat, berintegriti tinggi dan menjadi asas kepada kewibawaan akademik. Kepimpinan akademik boleh diperkasa melalui pencarian ilmu di ceruk (tujahan) yang belum diterokai.

Ilmu baharu perlu dibuktikan kebenaran, dan sentiasa disampaikan kepada rakan sepekar.

Kepimpinan akademik kepada diri melibatkan proses pencarian, pengumpulan dan penyampaian ilmu kepada pemegang taruh (rakan keserakanan, pelajar dan masyarakat) melalui pelbagai pendekatan keilmuan dan pendidikan. Oleh itu, salah satu tugas asas ahli akademik ialah pembangunan akademik sendiri.

Kepimpinan akademik kepada rakan kesepakaran merupakan pimpinan dalam organisasi akademik, NGO (akademik) dan pelbagai program pengajian atau penyelidikan. Kepimpinan ini boleh dizahirkan dalam bentuk pengurusan akademik, kepimpinan berpasukan, dan sumbangan keilmuan (*scholarly contribution*).

Kepimpinan akademik kepada masyarakat pula lebih bersifat 'intelektual awam' daripada perspektif pemikir negara, pengaruh dasar dan nasihat teknikal (perundingan).

► Nilai Teras 4: Menghormati Kepelbagaian Keserakanan/ *Respect for Collegial Diversity*

Dalam dunia akademik keserakanan bermaksud semua ahli akademik atau ilmuwan. Mereka mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu - sains sosial, sains, ikhtisas dan perubatan. Oleh itu, profesion akademik walaupun mempunyai fungsi dan matlamat (menyelidik, mengajar dan berkongsi ilmu) yang sama, mereka berbeza dalam latar belakang pendidikan dan kepelbagaian ilmu. Dalam konteks ini, memahami dan menghormati kepelbagaian keserakanan merupakan asas kepada kesatuan akademik berbudaya cemerlang.

Ahli akademik perlu memegang kepada beberapa prinsip kepelbagaian kesepakaran berikut:


- a. Saling hormat menghormati kepelbagaian ilmu, pendekatan mencari ilmu dan tafsiran ilmu oleh rakan keserakanan;
- b. Meraikan wacana akademik yang berpegang kepada falsafah kepelbagaian - berhujah secara berhemah dan menghormati pandangan bercanggah;
- c. Sentiasa percaya, kita tidak dapat menguasai semua ilmu, oleh itu, perlu berusaha untuk berkongsi ilmu untuk kebaikan sejangat;
- d. Digalakkan untuk berkerja sebagai sebuah pasukan dan saling menggalak dan mengukuhkan proses perkongsian ilmu; dan
- e. Ilmu multi- dan trans-disiplin hanya dapat dibangunkan berasaskan perkongsian kepakaran dan kepelbagaian ilmu.

► Nilai Teras 5: Menyemai Kecintaan Alam/*Nurturing the Love for Nature*

Universiti yang berfokus 'ilmu kelautan dan sumber akuatik' perlu memberikan perhatian tertinggi kepada kesihatan alam sekitar. Oleh itu, warga UMT dituntut menanam kepercayaan mendalam tentang kepentingan menjaga alam sekitar, warisan tabii, dan penggunaan sumber asli secara lestari. Kita perlu menjadi peneraju kepada gagasan pemuliharaan sumber asli (*nature conservation*) dan pendekatan pembangunan mesra alam (*sustainable development*). Proses menyemai kecintaan terhadap alam perlu dilaksanakan oleh semua warga kampus melalui:

- a. Ahli akademik meneroka gagasan ilmu sains kelestarian yang menjadi asas kepada falsafah pembangunan lestari;
- b. Staf profesional dan sokongan yang terdedah dan terlibat dalam pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan pemuliharaan alam sekitar, dan membangunkan kesedaran komuniti terhadap kepentingan kesihatan alam sekitar; dan
- c. Pelajar yang sentiasa didedahkan kepada ilmu alam sekitar dan pembangunan lestari. Mereka adalah pemimpin muda dan pemimpin generasi akan datang yang bakal mempelopori gagasan pembangunan lestari (keseimbangan pembangunan dan alam sekitar).

Kerangka Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022



Rasional Bentuk Geometri

- Kerangka asas berbentuk bulat melambangkan perancangan yang menyeluruh dan dinamik dengan semangat kerjasama berpasukan yang kukuh dan harmoni.
- Segi empat separa piramid dengan permukaan dan tapak yang lentur mewakili lapan teras yang teguh namun bersifat dinamik (boleh lentur) sejajar dengan perubahan semasa.
- Simbol panah pada hujung segi empat separa piramid melambangkan setiap teras yang berfokus dengan matlamat dan objektif yang jelas untuk mencapai visi yang telah ditetapkan.
- Lingkaran berbentuk kemudi kapal menonjolkan kesohoran UMT sebagai universiti peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik. Ia juga melambangkan kegemilangan masa depan UMT yang dikemudi dan ditadbir dengan baik.

Rasional Warna

Merah

Warna merah yang mewakili Teras Pemerkasaan Bakat Akademik melambangkan semangat, keberanian dan keghairahan bakat akademik dan sokongan akademik UMT dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk memacu UMT ke puncak kecemerlangan. Segala kekangan dan cabaran mampu diatasi demi UMT.

Biru

Warna biru yang mewakili Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran melambangkan intelektual, sukses, keyakinan dan ketenangan yang berkait rapat dengan ciri-ciri yang perlu ada pada pelajar dan pensyarah dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Ungu

Warna ungu yang mewakili Teras Pembangunan Pelajar melambangkan spiritual, bijak dan bervisi, sesuai dengan hasrat melahirkan pelajar holistik yang seimbang dan cemerlang.

Oren

Warna oren atau jingga yang mewakili Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi menyerlahkan energi, kreativiti dan inovasi para penyelidik UMT untuk terus menghasilkan penyelidikan berkualiti yang akan melonjakkan UMT.

Coklat

Warna coklat yang mewakili Teras Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri melambangkan keseimbangan, kestabilan dan jalinan persahabatan yang erat, khususnya antara universiti dan komuniti melalui aktiviti pemindahan ilmu serta kerjasama bersama industri untuk kecemerlangan UMT.

Kuning

Warna kuning yang mewakili Teras Keterlihatan Global melambangkan sesuatu yang bersinar dan menarik perhatian. Warna ini menunjukkan UMT optimis untuk menyerlahkan kemampuannya di peringkat antarabangsa melalui pelbagai aspek.

Hijau

Warna hijau yang mewakili Teras Kelestarian Kewangan melambangkan kedamaian dan kelestarian yang boleh diterjemahkan kepada kedudukan kewangan UMT yang mampan bagi menyokong segala program dan aktiviti, tanpa terlalu bergantung kepada sumber kerajaan.

Perak

Warna silver atau perak yang mewakili Teras Pemantapan Citra melambangkan sesuatu yang bernilai, mahal dan terkenal. Warna ini amat sesuai menggambarkan citra UMT tersohor sebagai sebuah universiti peneraju ilmu kelautan.

Putih

Warna putih di tengah-tengah kerangka ini menggambarkan kesucian, keharmonian, penyatuan dan kebersamaan seluruh warga UMT dalam melaksanakan segala perancangan demi mencapai visi dan misi UMT.

Hitam

Warna hitam pada lingkaran luar kerangka berbentuk kemudi kapal melambangkan keberanian dan tenaga yang gagah perkasa untuk mengemudi UMT mengharungi segala cabaran ke arah kegemilangan.

TERAS 1

Pemeriksaan Bakat

Sumber manusia merupakan nadi utama sesebuah organisasi yang perlu dibangunkan dan diurus secara strategik dalam memastikan perancangan UMT untuk mencapai visi dan misi dapat direalisasikan. Menyedari hakikat ini Teras Pemeriksaan Bakat dibangunkan secara komprehensif dengan memberi penekanan kepada tiga aspek utama iaitu membangunkan bakat akademik unggul, melonjak kecemerlangan bakat sokongan akademik dan memantapkan tadbir urus bakat.

Matlamat utama teras ini adalah untuk menonjolkan reputasi bakat akademik dan sokongan akademik yang dinamik, berdaya saing dan multifungsi seterusnya menjadi pakar rujuk khususnya dalam bidang tujahan di persada kebangsaan dan antarabangsa. Manakala pemantapan tadbir urus diharap dapat membantu UMT dalam memupuk budaya kerja berprestasi tinggi melalui pembangunan modul pengambilan bakat dan juga penyediaan pelan penggantian untuk mendokong hasrat UMT dalam mencapai universiti bertaraf dunia.






MEMBANGUN BAKAT AKADEMIK UNGGUL

Bakat akademik unggul adalah tunjang kekuatan sesebuah universiti yang dapat memacu kegemilangan serta menyerlahkan citra universiti di peringkat global. Bakat akademik unggul menjadi pemangkin untuk

melahirkan pelajar cemerlang serta menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi. Kebitaraan bakat akademik akan melonjakkan mereka sebagai pakar rujuk di persada kebangsaan dan antarabangsa.

KPI: Peratus bakat akademik cemerlang (kumulatif)



INISIATIF

1. Memperhebat penglibatan bakat akademik dalam industri serta menggilap kepelbagaian potensi mereka dengan latihan di industri berkaitan bidang kepakaran masing-masing.
2. Menonjolkan keserjanaan bakat akademik sebagai pakar rujuk dalam bidang kepakaran masing-masing di persada kebangsaan dan antarabangsa.
3. Meningkatkan bilangan bakat akademik unggul yang diiktiraf sebagai pengamal profesional oleh badan-badan profesional dan iktisas.
4. Melonjakkan lebih ramai bakat akademik sebagai *champion/top talent* dalam empat bidang kefungisian melalui latihan sebagai *Trainers*.

KAEDAH PEMANTAUAN


1. Peratus bakat akademik menjalani sangkutan dalam industri sekurang-kurangnya enam bulan (kumulatif)
2. Peratus bakat akademik dilantik menjadi pakar rujuk oleh badan/agensi kerajaan, swasta atau NGO di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
3. Peratus bakat akademik yang diiktiraf sebagai pengamal profesional oleh badan-badan profesional
4. Peratus bakat akademik dilonjakkan sebagai *champion/top talent*

MELONJAK KECEMERLANGAN BAKAT SOKONGAN AKADEMIK

Bagi memperkasa peranan bakat sokongan akademik, UMT akan melonjakkan kecemerlangan mereka melalui program pembangunan berstruktur yang akhirnya dapat

diiktiraf sebagai pakar rujuk berdasarkan kepakaran masing-masing.

KPI: Peratus bakat sokongan akademik diiktiraf kebolehanannya (kumulatif)



INISIATIF

- 1 Memaksimumkan kecekapan bakat sokongan akademik melalui penyediaan latihan sistematik berdasarkan kompetensi dan mengikut kefungsian.
- 2 Menindik bakat sokongan akademik cemerlang sebagai pakar rujuk/penceramah/jurulatih di peringkat kebangsaan.
- 3 Membudayakan inovasi dan kreativiti dalam pengurusan dengan merangsang minda menyelidik dalam kalangan bakat sokongan akademik.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Peratus bakat sokongan akademik yang dilatih berdasarkan kompetensi mengikut kefungsian
2. Bilangan bakat sokongan akademik yang menjadi pakar rujuk/penceramah/jurulatih di peringkat kebangsaan
3. Bilangan bakat sokongan akademik yang terlibat dalam menghasilkan projek inovasi dan kreativiti


OS3:

MEMANTAPKAN TADBIR URUS BAKAT

Keunggulan bakat sangat berkait rapat dengan tadbir urus sumber bakat yang cekap, mantap dan sistematik. Kelangsungan kecemerlangan UMT adalah bergantung kepada kelangsungan bakat unggul yang memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Menyedari hakikat

keterbatasan sumber, maka UMT akan mengoptimumkan penggunaan tenaga bakat sedia ada secara lebih dinamik di samping memperluas pengendalian proses kerja secara atas talian sejajar dengan keperluan IR 4.0.

KPI: Peratus pelaksanaan sistem tadbir urus bakat



INISIATIF

1. Memaksimumkan kecekapan tadbir urus universiti melalui integrasi sistem pengurusan dan pentadbiran secara atas talian.
2. Membangunkan modul kompetensi berstruktur mengikut kefungisian skim dan program pembangunan profesional berterusan sebagai asas penilaian kecekapan.
3. Memperkasa modul pengambilan dan pengekalan bakat yang komprehensif dan dinamik berdasarkan keperluan perjawatan universiti.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Bilangan sistem pengurusan dan pentadbiran universiti yang diintegrasikan
2. Bilangan modul latihan berstruktur yang dibangunkan
- 3a. Peratus kemajuan pembangunan Sistem Program Profesional Berterusan (My-CPD)
- 3b. Peratus kemajuan pembangunan Modul Pengambilan dan Pengekalan Bakat




TERAS 2

Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran

Dalam usaha untuk mendidik, melatih dan menghasilkan siswazah yang berilmu dan berketerampilan, UMT tekad untuk menyediakan program pengajian yang berkualiti dan inovatif sejajar dengan bidang tujuhan ilmu kelautan dan sumber akuatik. Proses menghasilkan graduan berkualiti adalah satu proses berterusan yang bermula daripada pemilihan bakal pelajar, aktiviti pembelajaran dan pengajaran di samping proses pemantauan dan intervensi. Oleh itu, Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran ini dirangka

dengan mengambil kira aspek kemasukan pelajar berkualiti, kadar kebolehpasaran graduan, pembelajaran sepanjang hayat dan kualiti graduan.

Di antara inisiatif yang dirangka bagi merealisasikan kejayaan teras ini adalah pelaksanaan Blueprint Kebolehpasaran Graduan, penawaran program pengajian berimpak tinggi, relevan dan berteraskan industri, program pembelajaran sepanjang hayat serta memperkasakan proses pemantauan perkembangan pencapaian pelajar agar graduan berkualiti dapat dihasilkan.



TAF Teaching Accountancy Firm




OS1:

MENINGKATKAN KEMASUKAN PELAJAR BERKUALITI

Kemasukan pelajar berkualiti adalah penting bagi menghasilkan graduan yang berdaya saing dan cemerlang untuk pasaran tempatan dan global. Pelajar berkualiti mempunyai tahap penguasaan ilmu yang tinggi seterusnya dapat menghasilkan graduan kelas

pertama, meningkatkan kadar kebolehpasaran serta bergraduat dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bagi menarik minat pelajar-pelajar cemerlang memasuki UMT, kerjasama strategik bersama agensi dan institusi berkaitan perlu dilaksanakan dengan lebih agresif.

KPI: Peratus pelajar yang masuk dengan CGPA >3.0



INISIATIF

- 1 Menjalin perkongsian pintar bersama institusi pendidikan lain seperti Pusat Matrikulasi, Kolej, sekolah Tingkatan 6 terpilih dan Universiti Awam (UA) serta Universiti Swasta (US) yang menawarkan program diploma.
- 2 Memperhebat Program *Mentor-Mentee* STEM di sekolah-sekolah berprestasi tinggi.
- 3 Meningkatkan syarat minimum kemasukan program sarjana muda.

KAEDAH PEMANTAUAN


1. Bilangan program bersama Pusat Matrikulasi, Kolej/Sekolah Tingkatan 6 dan Universiti Awam (UA) serta Universiti Swasta (US)
2. Peratus pelajar dari sekolah berprestasi tinggi yang mendaftar ke Pusat Asasi STEM UMT
3. Bilangan program sarjana muda yang dinaikkan syarat minimum kemasukan

MENINGKATKAN KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Bagi menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran kerja, UMT menekankan penawaran program pengajian berimpak tinggi, relevan dan berteraskan industri serta seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Interaksi program pengajian dan industri membolehkan

kurikulum program pengajian di UMT sentiasa mantap dan seiring dengan perkembangan semasa. Manakala graduan UMT yang dilengkapi ilmu terkini akan menjadikan mereka lebih berdaya saing dan menjadi rebutan di pasaran kerja.

KPI: Peratus kebolehpasaran graduan



1. Mempertingkatkan pelaksanaan perancangan Blueprint Kebolehpasaran Graduan yang selari dengan Blueprint Kebolehpasaran Graduan Kebangsaan.
2. Menawarkan program pengajian berimpak tinggi, relevan dan berdaya saing melalui penglibatan industri, penerapan elemen Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), pengukuhan program 2u2i serta penawaran program ijazah berkembar (*joint/dual degree*) bersama universiti terkemuka dunia.
3. Memperkasa kurikulum pengajaran berteraskan industri dengan melibatkan pemain industri sebagai tenaga pengajar bagi setiap program pengajian.
4. Memperhebat penganjuran program-program di pusat pengajian bersama CEO@Faculty yang tersohor.
5. Meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan melalui Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC).

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Peratus pelaksanaan program berdasarkan Blueprint Kebolehpasaran Graduan
- 2a. Bilangan program pengajian mempunyai elemen Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)
- 2b. Bilangan program pengajian berkonsepskan 2u2i
- 2c. Bilangan program berkembar (*joint/dual degree*)
3. Peratus program yang mempunyai tenaga pengajar dalam kalangan pengamal industri
4. Bilangan program melibatkan CEO@Faculty yang dilaksanakan di pusat pengajian
- 5a. Bilangan program yang dilaksanakan oleh Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC)
- 5b. Peratusan pelajar mengikuti program yang dilaksanakan oleh Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC)


OS3:

MEMPERKASA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT


Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merupakan pendemokrasian pendidikan yang merangkumi proses pengajian di universiti secara formal atau tidak formal dan bersifat lebih fleksibel berbanding pengajian secara konvensional. PSH membuka peluang kepada individu untuk meningkatkan taraf pendidikan tanpa mengira

batas masa dan tempat melalui pengijazahan umum hasil pengumpulan kredit berperingkat. Di samping itu, PSH mengiktiraf pengalaman kerja seseorang individu dengan menyetarakan pengalaman tersebut dengan kursus-kursus berkaitan bagi tujuan penganugerahan ijazah.

KPI1: Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian melalui program PSH (APEL)



KPI2: Bilangan peserta yang mengikuti kursus PSH jangka pendek bersijil



INISIATIF

- 1
- 2
- 3
- 4

Memperkenalkan kemasukan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah melalui APEL yang melibatkan pengenalan pastian, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berdasarkan pengalaman lalu.

Menawarkan program pengajian atas talian (ODL) sebagai salah satu peluang pendidikan sepanjang hayat secara fleksibel.

Menawarkan kursus teras atau elektif yang boleh dipindah kredit secara rentas universiti dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA).

Memperluaskan penawaran kursus kemahiran jangka pendek bersijil sebagai nilai tambah kepada pelajar UMT dan individu luar.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Bilangan pelajar yang mendaftar di UMT melalui APEL
- 2a. Bilangan program pengajian secara atas talian
- 2b. Bilangan pelajar yang mengikuti program pengajian atas talian
3. Bilangan kursus yang boleh dipindah kredit
- 4a. Bilangan kursus PSH bersijil yang ditawarkan
- 4b. Bilangan pelajar UMT yang mengikuti kursus PSH bersijil
- 4c. Bilangan peserta selain pelajar UMT yang mengikuti kursus PSH bersijil




MENINGKATKAN KUALITI GRADUAN

Kemampuan universiti menghasilkan graduan berkualiti tinggi seiring dengan inspirasi negara dalam menghasilkan modal insan bermutu kepada pasaran kerja. Seajar dengan ini, bagi menghasilkan graduan yang cemerlang, UMT mengambil langkah pemantauan pelajar dengan lebih dekat melalui pemerksaan proses

pemantauan pencapaian pelajar secara terancang dan pengukuhan pembelajaran individu serta langkah mengawalemosi pelajar melalui Unit Kaunseling. Objektif strategik ini bermatlamat untuk memastikan semua pelajar di UMT mampu menjadi pelajar cemerlang.

KPI1: Peratus graduan cemerlang



KPI2: Peratus peningkatan iGOT (Sarjana Muda, Sarjana dan PhD)

	2018	2019	2020	2021	2022
SM	90%	92%	94%	95%	95%
S	30%	35%	40%	50%	60%
PhD	25%	30%	40%	50%	60%

SM : Sarjana Muda
S : Sarjana
PhD : Doktor Falsafah



INISIATIF

- 1 Memperkasa proses pemantauan, perkembangan dan pencapaian pelajar melalui pelbagai program seperti Program *Mentor-Mentee*, *peer-tutoring* dan kolokium pra serta pascasiswazah.
- 2 Melaksanakan bengkel penyeliaan kepada pensyarah dan kursus berkaitan penyelidikan (Contoh: penulisan, kaedah penyelidikan dan analisis data) kepada pelajar pascasiswazah.
- 3 Memperkasa peranan Unit Kaunseling sebagai sumber rujuk dan pemudah cara dalam pengukuhan motivasi pelajar ke arah pembangunan pembelajaran sendiri.
- 4 Pelajar Sarjana Muda mempamerkan/membentangkan dapatan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) kepada industri dan masyarakat umum.
- 5 Memantapkan sumber rujukan berkualiti secara fizikal dan maya serta menyediakan ruang pembelajaran interaktif dan kondusif bagi menyokong pembelajaran individu dan kolaboratif.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Bilangan program *Mentor-Mentee*
- 1b. Bilangan kursus yang melaksanakan program *Peer Tutoring*
- 1c. Bilangan kolokium pascasiswazah bagi setiap pusat pengajian dan institut penyelidikan setiap semester
- 2a. Bilangan bengkel penyeliaan yang dilaksanakan kepada pensyarah
- 2b. Bilangan kursus-kursus berkaitan penyelidikan yang dilaksanakan kepada pelajar pascasiswazah
3. Bilangan aktiviti pemantauan pelajar dilaksanakan oleh unit kaunseling
- 4a. Peratus pelajar yang menyertai pameran projek tahun akhir
- 4b. Bilangan industri yang terlibat
- 5a. Peratus senarai rujukan utama setiap program pengajian dipenuhi di perpustakaan
- 5b. Peratus kesiapan pembangunan ruang pembelajaran pelajar



TERAS 3

Pembangunan Pelajar

Melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang merupakan aspirasi pendidikan tinggi negara. Selari dengan aspirasi ini, Teras Pembangunan Pelajar dibangunkan dengan berfokuskan kepada tiga objektif iaitu melahirkan pelajar holistik dan berdaya saing, memperkasa jaringan bersama alumni dan mewujudkan persekitaran kampus yang kondusif.

Langkah pertama dalam proses pembinaan diri seorang pelajar yang holistik adalah dengan melengkapkan pelajar dengan kepelbagaian kemahiran yang mampu mencungkil

dan mengasah keupayaan diri supaya mencapai potensi diri. Penaksiran inklusif yang tidak hanya bertumpu kepada kualiti akademik tetapi juga kemahiran insaniah melalui Merit MyStar dapat menyediakan graduan yang sesuai dengan kehendak pasaran kerja. Suasana kampus yang kondusif dengan fasiliti dan prasarana yang menyokong IR 4.0 turut menjadi tumpuan dalam proses melahirkan pelajar yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat dinamik dan maju di masa hadapan.






OS1:

MELAHIRKAN PELAJAR HOLISTIK DAN BERDAYA SAING


Objektif strategik ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani, berminda kelas pertama, berdisiplin,

berketerampilan dan mempunyai personaliti unggul agar dapat menyumbang kepada kestabilan, keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat, negara dan komuniti global.

KPI1: Peratus graduan yang mendapat 5 STAR (1000 merit MySTAR)



KPI2: Peratus pelajar yang mendapat anugerah kebangsaan dan antarabangsa





INISIATIF

- 1 Memperkukuh kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan pelajar sebagai pemimpin masa hadapan melalui penyertaan dalam badan beruniform, kelab dan persatuan.
- 2 Memupuk semangat kesukarelawanan bagi melahirkan ikon pelajar yang cakna, prihatin dan peka kepada komuniti yang memerlukan bantuan melalui penyertaan dalam pelbagai program kemasyarakatan.
- 3 Membudayakan aktiviti keusahawanan melalui penyediaan lebih banyak ruang perniagaan strategik, sokongan modal dan khidmat nasihat serta pendedahan berterusan melalui penyertaan dalam aktiviti keusahawanan.
- 4 Memperhebat penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukanan yang membina jati diri pelajar khususnya melalui sukan berteraskan tujahan UMT.
- 5 Menyerlahkan bakat pelajar melalui penyertaan dalam pelbagai pertandingan yang menguji pelbagai kemahiran, kreativiti dan daya kepimpinan.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Peratus pelajar yang menyertai badan beruniform
- 1b. Peratus pelajar yang menyertai aktiviti kelab/persatuan
2. Peratus pelajar yang menyertai aktiviti kesukarelawanan
3. Peratus pelajar yang menjalankan aktiviti keusahawanan semasa dalam pengajian
4. Peratus pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan
5. Bilangan pertandingan disertai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- 1-5. Bilangan ikon pelajar yang dilahirkan




OS2:

MEMPERKASA JARINGAN BERSAMA ALUMNI

Libat sama alumni dalam menyokong dan memberi sumbangan secara sukarela dalam pelbagai cara adalah penting kepada perkembangan sesebuah universiti. Jaringan strategik yang kukuh di antara alumni dengan pelajar dan universiti memberi manfaat yang amat

bermakna dalam memperkaya pengalaman pelajar. Lantaran itu, UMT mengambil tindakan proaktif mengiktiraf alumninya dengan melebarkan jaringan strategik bersama alumni dalam dan luar negara secara lebih sistematik dan tersusun.

KPI: Bilangan alumni yang terlibat dengan aktiviti universiti



INISIATIF

1

Memperkasa governans alumni dengan menubuhkan Pusat Alumni UMT serta memantapkan Pangkalan Data Alumni.

2

Membudayakan alumni dengan slogan "Kami Cakna Kami Sayang UMT" bagi memupuk perasaan kebersamaan dan kesepunyaan agar sentiasa menyokong dan membantu UMT dalam pelbagai aspek seperti menjadi mentor kepada pelajar, menyumbang kepada tabung endowmen serta melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti UMT.

KAEDAH PEMANTAUAN

1a. Penubuhan Pusat Alumni UMT

1b. Bilangan alumni berdaftar dalam sistem e-Alumni

2a. Bilangan alumni yang menyumbang kepada tabung endowmen UMT

2b. Bilangan program *Mentor-Mentee* dengan libat sama alumni

2c. Bilangan aktiviti bersama alumni


OS3:

MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KAMPUS YANG KONDUSIF

UMT sentiasa komited untuk melahirkan pelajar holistik yang seimbang, cemerlang dan berdaya saing. Dalam memastikan hasrat ini tercapai, kebajikan dan keperluan pelajar adalah menjadi keutamaan bagi memastikan keselesaan mereka dalam menuntut ilmu. Oleh itu,

persekitaran kampus yang kondusif dan lestari serta dilengkapi infrastruktur dan infostruktur bertaraf IR 4.0 merupakan antara perkara yang sentiasa diambil cakra oleh pengurusan universiti.

KPI: Peratus kepuasan pelajar terhadap kemudahan universiti



INISIATIF

- 1 Menaik taraf dan menambah kapasiti kediaman pelajar dalam dan luar kampus bagi menjamin keselesaan mereka.
- 2 Memantapkan fasiliti sukan, kebudayaan, ruang keusahawanan dan lain-lain fasiliti untuk menyokong aktiviti pelajar.
- 3 Meluaskan capaian dan mempertingkatkan kelajuan internet bagi memudahkan akses kepada maklumat terkini selari dengan keperluan IR 4.0.
- 4 Memperkasa imej kafeteria dalam kampus dengan pematuhan kepada kualiti perkhidmatan dan makanan, kebersihan dan keceriaan untuk kesihatan serta keselesaan pelajar.
- 5 Mewujudkan persekitaran kampus yang mesra OKU khusus untuk warga dan pelajar kurang upaya.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Peratus pelajar yang menginap di kediaman UMT (dalam dan luar kampus)
 - 2a. Mewujudkan prasarana sukan air (*Bay Campus Concept*)
 - 2b. Bilangan ruang niaga yang disediakan dalam kampus
3. Peningkatan kelajuan capaian internet di sekitar kampus
4. Peratus kafeteria yang mematuhi kriteria yang ditetapkan
5. Bilangan kemudahan mesra OKU di kampus

TERAS 4

Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi

UMT bertizam untuk menjadi sebuah universiti tersohor yang berfokuskan penyelidikan dalam bidang tujuannya iaitu ilmu kelautan dan sumber akuatik. Penghasilan penyelidikan dan inovasi yang berkualiti dapat menonjolkan keilmuwan keserjanaan dan keintelektualan penyelidik dalam kalangan bakat akademik.

Teras keunggulan penyelidikan dan inovasi meliputi empat objektif strategi iaitu; mengunggulkan kualiti penyelidikan terutamanya penerbitan artikel jurnal terindeks berimpak tinggi, melaksanakan transformasi governans penyelidikan dengan membudayakan penyelidikan kluster, memantapkan prasarana penyelidikan dan melonjakkan aktiviti inovasi, pengkomersialan dan perundingan.






OS1:

MENGUNGGULKAN KUALITI PENYELIDIKAN


Penyelidikan berkualiti adalah salah satu indikator utama kecemerlangan sesebuah universiti. Bagi menjadi sebuah universiti terulung terutamanya di dalam bidang tujahan, penghasilan penyelidikan berkualiti dipacu oleh strategi penerbitan, penjanaan geran penyelidikan, penyelidikan translasional dan pengetahuan tradisional. UMT juga akan memindahkan hasil penyelidikan berimpak tinggi

kepada komuniti B40 menerusi projek penyelidikan translasional yang selari dengan inisiatif kebangsaan dan antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals* 14 (SDG 14) oleh Bangsa-Bangsa Bersatu di samping mengadaptasi pengetahuan tradisional daripada komuniti untuk manfaat sejagat.


KPI1: Nisbah penerbitan artikel jurnal terindeks per pensyarah



KPI2: Nisbah sitasi kumulatif penerbitan artikel jurnal



KPI3: Jumlah perolehan geran penyelidikan



K : Kerajaan
S : Swasta
A : Antarabangsa



INISIATIF

- 1 Menyediakan dana penggalakan penerbitan bagi melonjakkan bilangan penerbitan.
- 2 Memperuntukkan insentif kepada penyelidik yang berjaya menerbitkan artikel dalam jurnal Q1 dan Q2.
- 3 Meningkatkan pengambilan Pasca Kedoktoran bagi merancang aktiviti penerbitan.
- 4 Meningkatkan bilangan penyelidik tersohor dalam dan luar negara bagi melonjakkan penerbitan berimpak tinggi dan meningkatkan sitasi, khususnya dalam bidang tujahan.
- 5 Memperluas kolaborasi penyelidikan dan penerbitan bersama penyelidik dalam dan luar sebagai satu strategi meningkatkan penerbitan dan sitasi.
- 6 Mempelbagaikan kaedah mendapatkan geran penyelidikan.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Bilangan artikel diterbitkan menggunakan dana penggalakan penerbitan.
2. Bilangan artikel yang diterbitkan dalam jurnal Q1 dan Q2 serta jumlah insentif diperuntukkan
3. Bilangan Pasca Kedoktoran yang dilantik dan bilangan artikel yang diterbitkan
4. Bilangan penyelidik tersohor yang dilantik serta bilangan artikel berimpak tinggi dan sitasi yang dihasilkan
5. Bilangan penerbitan hasil kolaborasi
6. Jumlah bilangan geran penyelidikan diperolehi

TRANSFORMASI GOVERNANS PENYELIDIKAN

UMT berhasrat untuk menjadi pemacu utama di dalam penyelidikan bidang kelautan dan sumber akuatik. Keutuhan governans penyelidikan merupakan tonggak bagi merealisasikan hasrat ini. Bagi memacu

keunggulan penyelidikan, governans penyelidikan akan ditransformasikan melalui pemantapan kluster penyelidikan dan pemerksaan institut penyelidikan.

KPI: Pelaksanaan transformasi governans penyelidikan

2018	2019	2020	2021	2022
10% SIG SETIAP KLUSTER	20% SIG SETIAP KLUSTER	50% SIG SETIAP KLUSTER	70% SIG SETIAP KLUSTER	100% SIG SETIAP KLUSTER
MOU – 1 KEBANGSAAN & 1 ANTARABANGSA / KLUSTER	MOU – 1 KEBANGSAAN & 1 ANTARABANGSA / KLUSTER	MOU – 1 KEBANGSAAN & 1 ANTARABANGSA / KLUSTER	MOU – 1 KEBANGSAAN & 1 ANTARABANGSA / KLUSTER	MOU – 1 KEBANGSAAN & 1 ANTARABANGSA / KLUSTER
PENJENAMAAN SEMULA IPK		PENJENAMAAN SEMULA AKUATROP SEBAGAI HICoE PERKHIDMATAN		PENUBUHAN INSTITUT PEMBANGUNAN SOSIAL



INISIATIF

1
2

1 Membudayakan penyelidikan kluster melalui pemerksaan Malim dan SIG serta pengukuhan jaringan penyelidikan bersama rakan strategik bagi setiap kluster

2 Memperksa institut penyelidikan melalui pencitraan semula jenama dan fungsi institut, penubuhan institut baharu berteraskan bidang tujuhan serta melonjakkan institut sedia ada ke arah penarafan HICoE/Pusat Rujukan Antarabangsa.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Peratus SIG yang meliputi keseluruhan bidang penyelidikan bagi setiap kluster
- 1b. Bilangan MoU/MoA penyelidikan bersama rakan strategik oleh setiap kluster
- 2a. Institut penyelidikan baharu berteraskan tujuhan yang ditubuhkan
- 2b. Bilangan institut yang mendapat penarafan HICoE/Pusat Rujukan Antarabangsa



OS3:

MEMANTAPKAN PRASARANA PENYELIDIKAN

Prasarana penyelidikan yang lengkap dan mantap memainkan peranan penting dalam menyokong penghasilan penyelidikan berkualiti tinggi seterusnya menonjolkan UMT sebagai universiti peneraju bidang tujahan. Dalam era serba moden yang dipacu oleh IR 4.0,

UMT perlu mendepani cabaran dalam dunia penyelidikan dengan memastikan keperluan fasiliti seperti makmal-makmal penyelidikan yang perlu diakreditasi dan dilengkapi dengan peralatan berteknologi terkini.

KPI: Pencapaian Pemantapan Prasarana Penyelidikan

2018	2019	2020	2021	2022
AKREDITASI ISO INOS & IMB	AKREDITASI ISO AKUATROP	AKREDITASI ISO MAKMAL BERPUSAT	PUSAT REPOSITORI 100% SIAP	PUSAT REPOSITORI MULA BEROPERASI PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN
PUSAT REPOSITORI 15% SIAP	PUSAT REPOSITORI 50% SIAP	PUSAT REPOSITORI 75% SIAP		
PANGKALAN DATA 60% SIAP	PANGKALAN DATA 100% SIAP	PANGKALAN DATA MULA BEROPERASI		



INISIATIF

1
2

1. Memperkasa prasarana penyelidikan melalui akreditasi makmal dan kelengkapan berteknologi IR 4.0 agar lebih kompeten, diyakini dan menjadi rujukan ramai.

2. Menubuhkan Pusat Repositori dan Galeri Penyelidikan Marin & Akuatik yang dilengkapi dengan sistem pangkalan data penyelidikan berintegrasi.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Bilangan makmal penyelidikan atau peralatan penyelidikan yang mendapat akreditasi ISO
- 1b. Bilangan makmal penyelidikan yang dilengkapi peralatan berteknologi selaras dengan IR 4.0
2. Penubuhan Pusat Repositori dan Galeri Penyelidikan Marin & Akuatik serta pembangunan sistem pangkalan data penyelidikan berintegrasi



Stesen Penyelidikan Alami Marin Pulau Bidong



Stesen Penyelidikan Alami Chagar Hutang



Stesen Penyelidikan Alami Setiu



Stesen Penyelidikan Alami Tasik Kenyir

OS4:

MELONJAKKAN AKTIVITI INOVASI, PENGGOMERSIALAN DAN PERUNDINGAN

Inovasi adalah pemangkin kepada kejayaan sesuatu penyelidikan. Justeru, UMT akan memberikan penekanan kepada aktiviti penyelidikan yang mampu menghasilkan produk-produk inovasi yang berpotensi

untuk didaftarkan sebagai harta intelek. Peningkatan produk inovasi berdaftar secara tidak langsung akan meningkatkan penajaan pendapatan universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.


KPI1: Bilangan produk penyelidikan yang berjaya didaftarkan sebagai harta intelek




KPI2: Bilangan harta intelek yang berjaya dikomersialkan



KPI3: Nilai projek perundingan bersama industri



KPI4: Peratus pensyarah yang terlibat dengan projek perundingan





INISIATIF

- 1 Meningkatkan harta intelek berdaftar yang berpotensi untuk dikomersialkan melalui aktiviti penyelidikan yang mampu menghasilkan produk inovasi.
- 2 Merancang aktiviti pengkomersialan harta intelek melalui perlesenan bersama pihak industri.
- 3 Memperhebat aktiviti perundingan hasil sinergi UMT-Industri

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Bilangan produk penyelidikan yang berpotensi untuk didaftarkan sebagai harta intelek
2. Bilangan harta intelek berdaftar yang berjaya dilesenkan
- 3a. Nilai projek perundingan bersama industri
- 3b. Peratus pensyarah terlibat dengan projek perundingan



TERAS 5


Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri

Teras Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri dirangka untuk menggalakkan pemindahan ilmu oleh UMT kepada sasaran komuniti dan industri untuk melangkah ke arah masyarakat berpengetahuan. Teras ini meliputi tiga objektif strategik iaitu memperkasakan program pemindahan ilmu, memperkasakan program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan melebar jaringan industri-akademia.

Melalui teras ini, hasil penyelidikan terutamanya dalam bidang tujuhan dapat dimanfaatkan bagi tujuan menambah baik taraf hidup komuniti melalui penglibatan agensi dan industri. Pelaksanaan pengukuran impak program dilihat sebagai kaedah pemantauan yang dapat memastikan program dijalankan dapat memberi manfaat dan meningkatkan kelangsungan kualiti hidup dan pembangunan masyarakat/komuniti setempat.



KERANGKA KERJA PEMINDAHAN ILMU UMT




OS1:

MEMPERKASAKAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU


Program pemindahan ilmu merupakan satu usaha yang dilaksanakan oleh universiti untuk menggalakkan aktiviti pemindahan ilmu hasil daripada penyelidikan universiti kepada komuniti melalui projek berimpak dengan hasrat untuk menyebarkan ilmu, meningkatkan

kualiti hidup dan sosioekonomi masyarakat terlibat. UMT berhasrat untuk menggiatkan aktiviti pemindahan ilmu supaya ia kekal relevan kepada komuniti melalui penglibatan aktif agensi dan industri.

KPI1: Bilangan komuniti yang terlibat dalam program pemindahan ilmu



KPI2: Bilangan penerbitan artikel dalam jurnal terindeks hasil program pemindahan ilmu bergeran



KPI3: Bilangan program pemindahan ilmu melibatkan pelbagai IPT / industri (sekurang-kurangnya tiga organisasi)





INISIATIF

- 1a Mewujudkan Geran Dalam Pemindahan Ilmu iaitu *Knowledge and Technology Assimilation Grants Scheme* (KTAGS).
- 1b Mempelbagaikan projek penyelidikan berasaskan bidang tujuhan yang berpotensi untuk dipindahkan manfaatnya kepada industri dan komuniti.
- 1c Meningkatkan penglibatan staf akademik dalam program pemindahan ilmu.
- 2a Menganjurkan Seminar Pemantauan Pemindahan Ilmu di peringkat universiti.
- 2b Menerbitkan artikel/jurnal terindeks/terbitan khas (*special issue*).
- 3 Menggerakkan Jawatankuasa Kerja (*Task Force*) Pemindahan Ilmu bagi meningkatkan penglibatan industri di dalam program pemindahan ilmu.

KAEDAH PEMANTAUAN


- 1a. Mengenal pasti projek yang berpotensi menerusi penilaian pembentangan oleh penilai yang diiktiraf
- 1b. Bilangan projek penyelidikan yang dipindahkan kepada industri dan komuniti
- 1c. Bilangan penglibatan staf akademik dalam program pemindahan ilmu
- 2a. Bilangan Ketua Projek yang membuat pembentangan di Seminar Pemantauan Pemindahan Ilmu
- 2b. Bilangan artikel pemindahan ilmu yang diterbitkan
- 3a. Bilangan industri yang terlibat dalam program pemindahan ilmu
- 3b. Jumlah dana yang diperolehi daripada industri dalam program pemindahan ilmu

MEMPERKASAKAN PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (USR)


Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) adalah program yang dilaksanakan bagi meningkatkan kebajikan, keselesaan dan kelangsungan hidup komuniti. UMT sebagai sebuah universiti yang cakna terhadap kebajikan komuniti akan mempelbagaikan aktiviti

berbentuk USR melalui penglibatan staf dan pelajar, sama ada diperingkat tempatan atau pun antarabangsa. UMT akan merancang penglibatan rakan agensi dan industri dalam aktiviti USR ini.

KPI1: Bilangan komuniti/industri yang terlibat dalam program USR



KPI2: Peratus staf akademik yang terlibat dalam program USR





INISIATIF

- 1a Melibat sama agensi dan industri dalam program USR khususnya sumbangan dana melalui kolaborasi strategik.
- 1b Menyediakan dana dalaman untuk program USR.
- 2 Meningkatkan dan mempelbagaikan program USR kepada komuniti melalui penerapan budaya kesukarelawanan.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Bilangan agensi dan industri yang terlibat dalam program USR
- 1b. Jumlah dana dalaman tahunan untuk program USR
- 2a. Bilangan program USR yang dijalankan
- 2b. Bilangan staf akademik yang terlibat dalam program USR


OS3:

MELEBARKAN JARINGAN INDUSTRI-AKADEMA


UMT bergerak aktif melebarkan jaringan industri-akademia selari dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memberi penekanan kepada kolaborasi universiti-industri yang turut digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Kerjasama rakan industri meliputi peringkat multinasional, syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan serta industri perusahaan kecil dan sederhana.

KPI 1: Bilangan jaringan industri baharu



KPI 2: Bilangan program dengan rakan industri





INISIATIF

- 1a Meningkatkan penglibatan pihak industri dalam aktiviti penyelidikan, pemindahan ilmu dan teknologi serta tanggungjawab sosial komuniti.
- 1b Mewujudkan dana dalaman jaringan industri baharu.
- 2 Meningkatkan penglibatan industri bertaraf multinasional / *Government Linked Companies (GLC)*.
- 3 Mewujudkan sistem penarafan bintang bagi mengukur pencapaian pusat pengajian dalam melaksanakan aktiviti bersama rakan industri.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Bilangan program bersama pihak industri baharu
- 1b. Bilangan MoU/MoA/Lol bersama industri baharu
2. Bilangan MoU/MoA/Lol bersama industri yang bertaraf multinasional/ *Government Linked Companies (GLC)*
3. Bilangan pusat pengajian yang mendapat penarafan 4 bintang ke atas

TERAS 6

Keterlihatan Global

Cabaran UMT untuk bersaing dan mendapat tempat di persada global memerlukan setiap warganya menganjak keluar dari kotak pemikiran ortodoks ke arah pemikiran yang lebih strategik dan kreatif. Ledakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan arus globalisasi yang sentiasa dinamik mendorong UMT memberi keutamaan dalam menonjolkan lagi program pengajian dan tenaga akademik yang berupaya menerobos ke peringkat antarabangsa seterusnya menjadi perhatian masyarakat sejagat. Oleh yang demikian, Teras Keterlihatan Global menggariskan strategi yang jelas dalam merealisasikan hasrat UMT untuk menjadi universiti yang disegani di peringkat global.

UMT bertekad meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa melalui program akademik sedia ada dan program mobiliti pelajar. Selain itu, bagi memperkasakan keterlihatan UMT diperingkat antarabangsa, UMT telah menggariskan strategi yang dapat meningkatkan aktiviti jaringan antarabangsa melalui kerjasama bersama organisasi dan alumni antarabangsa. Usaha menonjolkan citra UMT diperingkat antarabangsa perlu digembleng oleh kesemua warga universiti untuk mendukung program-program strategik yang telah dirancang.






OS1:

MENINGKATKAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

Strategi ini dirangka bagi mendokong hasrat kerajaan Malaysia yang ingin menjadikan Malaysia sebagai hab pelajar antarabangsa. Seiring dengan itu, UMT memfokuskan kepada kemasukan pelajar antarabangsa dan juga mentransformasikan sistem penyampaian dan

fasiliti pelajar antarabangsa. Sistem penyampaian yang mantap, dari awal proses kemasukan sehingga selepas pengajian, bakal memberikan keselesaan kepada pelajar antarabangsa seterusnya menarik pelajar-pelajar antarabangsa menyambung pengajian di UMT.

KPI: Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa



INISIATIF

1

Mentransformasikan sistem penyampaian dan fasiliti pelajar antarabangsa dengan memperkemas prosedur pengambilan pelajar, menaik taraf kemudahan penginapan dan mewujudkan pusat sehenti serta aktiviti promosi secara terancang.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Tempoh surat tawaran dikeluarkan selepas menerima permohonan
- 1b. Kapasiti penginapan pelajar antarabangsa
- 1c. Pusat sehenti untuk kemudahan pelajar antarabangsa diwujudkan
- 1d. Bilangan aktiviti promosi antarabangsa

MEMPERKASAKAN PROGRAM MOBILITI PELAJAR

Program mobiliti pelajar adalah satu program yang dibentuk bagi memberikan pendedahan antarabangsa kepada pelajar terlibat serta menjadikan mereka lebih berdaya saing. Program ini dapat meningkatkan jaringan global UMT dan seterusnya melonjakkan citra

UMT di mata dunia. Bagi mencapai hasrat ini, UMT akan mempelbagaikan usaha untuk menarik pelajar-pelajar antarabangsa mengikuti program jangka pendek yang lebih inovatif dan berdasarkan bidang tujuhan.

KPI1: Bilangan *inbound* pelajar antarabangsa berkecredit



KPI2: Bilangan *outbound* pelajar UMT ke universiti luar negara berkecredit



INISIATIF

- 1 Menawarkan program jangka pendek/*summer camp* berkecredit dalam bidang tujuhan.
- 2 Mewujudkan kursus jangka pendek berkecredit bersama universiti luar negara melalui jalinan strategik bagi membolehkan pelajar UMT mengikuti program *outbound* berkecredit.
- 3 Mewujudkan program sangkutan di institusi dan organisasi (selain universiti) luar negara melalui jaringan strategik bersama syarikat multinasional bertaraf antarabangsa.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Bilangan Kursus Jangka Pendek/*Summer Camp* berkecredit dalam bidang tujuhan yang ditawarkan
- 1b. Bilangan pelajar yang mengikuti Kursus Jangka Pendek/*Summer Camp* berkecredit dalam bidang tujuhan
2. Bilangan pelajar UMT yang mengikuti kursus jangka pendek berkecredit di universiti luar negara
3. Bilangan pelajar UMT yang mengikuti program sangkutan di industri dan organisasi (selain universiti) luar negara


OS3:

MEMPERKUKUH JARINGAN ANTARABANGSA


Jaringan antarabangsa bersama universiti dan organisasi terkemuka luar negara khususnya yang tersenarai sebagai *Top 200* dalam bidang tujahan, menjadi salah satu agenda strategik bagi meningkatkan keterlihatan UMT di mata dunia. Perkongsian ilmu dan kepakaran

melalui jaringan strategik ini memberi manfaat kepada aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan bidang-bidang kritikal lain yang akhirnya mampu memposisikan UMT di persada global.

KPI 1: Bilangan aktiviti berimpak tinggi yang dilaksanakan bersama organisasi antarabangsa



KPI 2: Peratus pensyarah antarabangsa



INISIATIF

- 1 Melebarkan jaringan MoU/MoA antarabangsa dengan organisasi dan universiti terkemuka dunia (top 200 dalam bidang tujahan).
- 2 Memperhebatkan penglibatan dan keanggotaan UMT dalam badan antarabangsa yang diiktiraf dan relevan dengan bidang kepakaran.
- 3 Memperkukuh jaringan strategik dengan alumni antarabangsa sebagai agen membina kerjasama global.
- 4 Menarik lebih ramai bakat akademik antarabangsa bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan penyelidikan seterusnya melonjak UMT ke persada global.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Bilangan aktiviti pusat pengajian yang dilaksanakan bersama organisasi antarabangsa
- 1b. Bilangan aktiviti berdasarkan MoU/MoA yang dimeterai
2. Peratus bakat akademik yang menganggotai badan antarabangsa yang diiktiraf
3. Bilangan aktiviti bersama-sama alumni antarabangsa
- 4a. Bilangan bakat akademik antarabangsa di setiap pusat pengajian dan institut penyelidikan
- 4b. Bilangan jaringan yang dibina oleh bakat akademik antarabangsa




TERAS 7

Kelestarian Kewangan

Dalam mendokong hasrat kerajaan untuk mewujudkan sistem kewangan yang mampan untuk pendidikan tinggi Malaysia, Teras Kelestarian Kewangan dirangka dengan menumpukan kepada pemerkasaan penjana pendapatan dan pengurusan kewangan berhemah. Penjana pendapatan universiti dapat dilaksanakan melalui pengukuhan anak syarikat dan mengoptimumkan penjana hasil melalui aset dan fasiliti yang dimiliki oleh universiti. Inisiatif ini dijangka mampu memberi impak yang positif terhadap kelestarian pengurusan kewangan.

Pengurusan kewangan yang baik bukan sahaja dari segi keupayaan menjana pendapatan, tetapi juga melalui pengurusan perbelanjaan yang cekap. Perancangan untuk menjimatkan perbelanjaan universiti akan memberi kesan yang positif kepada kedudukan kewangan universiti dan sebagai langkah untuk menyokong pemeliharaan alam sekitar melalui penggunaan teknologi hijau.






OS1:

MEMPERKASA PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI

Kemampuan kewangan universiti penting untuk menyokong visi dan misi serta kelangsungan sesebuah universiti. Kebergantungan UMT kepada dana kerajaan semakin tidak lestari memandangkan universiti awam dikehendaki menjana pendapatan sendiri dan

mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan. Justeru itu, UMT perlu memberikan perhatian kepada inisiatif penjanaaan pendapatan yang lebih mampan bagi menampung operasi tanpa menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan kepada pelajar.

KPI: Peratus penjanaaan pendapatan berbanding perbelanjaan operasi



INISIATIF

- 1 Memperkukuh syarikat universiti sebagai sayap utama yang menyumbang kepada penjanaaan pendapatan.
- 2 Memperkasa struktur penjanaaan pendapatan melalui sewaan aset dan fasiliti universiti yang berpotensi.
- 3 Memperhebatkan aktiviti penjanaaan melalui waqaf dan endowmen sebagai salah satu sumber pendapatan universiti.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Peratus peningkatan pendapatan syarikat universiti
2. Peratus penjanaaan pendapatan melalui aset universiti
3. Jumlah wakaf dan endowmen yang diperolehi




PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

Seiring dengan strategi melestarikan kewangan, UMT telah memperkenalkan inisiatif untuk mengoptimumkan perbelanjaan melalui pengurusan kewangan berhemah. Pengurusan kewangan berhemah dapat dicapai melalui

pelaksanaan dasar penjimatan perbelanjaan universiti yang akan dilaksanakan secara menyeluruh agar sumber dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan.

KPI: Peratus Penjimatan dalam perbelanjaan universiti



INISIATIF

1

Melaksanakan dasar penjimatan melalui penggunaan sumber secara optimum serta memperluaskan penggunaan peralatan berteknologi jimat tenaga.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Peratus penjimatan dalam perbelanjaan universiti



TERAS 8

Pemantapan Citra

Hasrat UMT untuk terus gah dipersada kebangsaan dan antarabangsa memerlukan perancangan yang teliti merangkumi semua aspek. Oleh yang demikian, Teras Pemantapan Citra dirangka dengan penerapan elemen yang mampu melonjakkan universiti ke persada dunia. Bagi mencapai matlamat ini, lima objektif strategi telah dirangka iaitu menonjolkan keterlihatan UMT sebagai universiti peneraju ilmu kelautan dan sumber akuatik, penarafan

universiti, program bersifat *Wow faktor*, aktiviti promosi dan publisiti serta kampus lestari.

Teras ini memberi fokus kepada keterlihatan citra UMT sebagai jenama pendidikan tinggi yang berkualiti dan unik serta memastikan UMT terus relevan. Sokongan padu semua warga yang bertindak sebagai duta UMT amat penting dalam memastikan matlamat untuk menjadi universiti terunggul berjaya digapai.





WOW'18
WORLD OCEANS WEEK
UNIVERSITI MALAYSIA-TERENGGANU
"CLEAN OUR OCEAN"


OS1:

MENONJOLKAN KETERLIHATAN UMT SEBAGAI UNIVERSITI PENERAJU ILMU KELAUTAN DAN SUMBER AKUATIK

Bagi melonjakkan UMT sebagai sebuah universiti terulung dalam bidang Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik, penggunaan teknologi ilmu terkini seiring

dengan IR 4.0 akan digiatkan berpandukan dasar yang telah digariskan dalam *UMT Marine 4.0 Blueprint*.

KPI 1: Peratus pelaksanaan
UMT Marine 4.0 Blueprint



KPI 2: QS World University Rankings (by subject)
– Earth & Marine Science



KPI 3: QS World University Rankings (by subject)
– Agriculture & Forestry





INISIATIF

- 1 Memacu UMT sebagai universiti terunggul dalam bidang kelautan melalui **UMT Marine 4.0 Blueprint**.
- 2 Meningkatkan bilangan penyelidik tersohor dalam dan luar negara bagi melonjakkan penerbitan berimpak tinggi dan meningkatkan sitasi, dalam bidang tujahan.
- 3 Memperluas kolaborasi penyelidikan dan penerbitan bersama penyelidik dalam dan luar sebagai satu strategi meningkatkan jumlah penerbitan dan sitasi, dalam bidang tujahan.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Bilangan pelaksanaan strategi dalam *UMT Marine 4.0 Blueprint*
2. Bilangan penyelidik tersohor dalam bidang tujahan yang dilantik
3. Bilangan artikel dan sitasi dalam bidang tujahan melalui kolaborasi yang dilaksanakan



MENONJOLKAN KETERLIHATAN UMT MELALUI PENARAFAN UNIVERSITI

Penarafan universiti penting dalam memberikan tanda aras keupayaan dan kecemerlangan sesebuah universiti berbanding universiti lain. Keupayaan universiti menempatkan diri di kedudukan terbaik dalam penarafan global adalah amat penting dalam menonjolkan citra universiti, sama ada diperingkat tempatan atau pun antarabangsa. Ini secara tidak langsung dapat

memberikan keyakinan kepada organisasi antarabangsa untuk memberikan geran penyelidikan dan juga dapat mempermudah UMT untuk berkolaborasi dengan organisasi terulung luar negara. Di samping itu, pencapaian di dalam penarafan universiti dapat menarik penyelidik tersohor dan bakal-bakal pelajar antarabangsa untuk datang ke UMT.

KPI: Pencapaian sasaran penarafan

	2018	2019	2020	2021	2022
QS ASIAN University Rankings	271-300	TOP 250	TOP 200	TOP 150	TOP 100
MyRA	4 BINTANG	4 BINTANG	4 BINTANG	5 BINTANG	6 BINTANG
SETARA	5 BINTANG	5 BINTANG	5 BINTANG	5 BINTANG	6 BINTANG
WEBOMETRICS (Malaysia)	TANGGA 19	TANGGA 17	TANGGA 15	TANGGA 13	TANGGA 10
UI GREENMETRICS	TOP 350	TOP 300	TOP 250	TOP 200	TOP 150



INISIATIF

1

Melonjakkan kedudukan pencapaian UMT dalam kesemua sistem penarafan yang disertai iaitu QS ASIAN University Rankings, MyRA, SETARA, WEBOMETRICS dan UI GREENMETRICS.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Kedudukan dalam QS Asian University Rankings
- 1b. Pencapaian MyRA
- 1c. Pencapaian SETARA
- 1d. Kedudukan dalam penarafan WEBOMETRICS
- 1e. Kedudukan dalam penarafan UI Green Metrics


OS3:

MENONJOLKAN KETERLIHATAN UMT MELALUI PROGRAM BERSIFAT *WOW FACTOR*

UMT sebagai sebuah universiti bertujahkan ilmu kelautan dan sumber akuatik akan menyerlahkan lagi keunikan dan kelebihan yang ada dengan merancang penganjuran program-program strategik yang unik dan

berimpak tinggi. Program-program bersifat *WOW* ini akan membantu UMT mengetengahkan imej sebagai sebuah universiti yang menjuarai ilmu kelautan dan sumber akuatik.

KPI: Bilangan *WOW Factor* baharu UMT



INISIATIF

- 1 Mempelbagaikan program bersifat *WOW* melalui penganjuran program-program bersifat unik dan berimpak tinggi yang menyerlahkan UMT dalam bidang tujahan berfokus ilmu kelautan dan sumber akuatik.
- 2 Melahir dan melonjakkan ikon staf dan pelajar UMT yang tersohor dalam bidang ilmu kelautan dan sumber akuatik ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Bilangan program *WOW* dalam bidang tujahan yang dilaksanakan
2. Bilangan ikon UMT yang dilahirkan


OS4:

MENONJOLKAN KETERLIHATAN UMT MELALUI AKTIVITI PROMOSI DAN PUBLISITI

UMT akan memperkasakan keterlihatan jenama UMT melalui aktiviti promosi dan publisiti berimpak tinggi secara terancang di saluran media arus perdana dan media baru. Aktiviti promosi dan publisiti terancang merupakan perkara penting dalam strategi menonjolkan

citra UMT sehingga ke peringkat global bagi menarik perhatian bakal pelajar, bakat akademik tersohor di luar negara dan organisasi antarabangsa untuk menjalankan kolaborasi dalam bidang penyelidikan dan pengajaran.

KPI: Indeks Keterlihatan Citra UMT



INISIATIF

- 1 Memperhebat publisiti melalui media cetak, elektronik dan sosial melalui aktiviti penulisan artikel dan liputan berita berimpak tinggi di semua saluran media arus perdana dan media baharu.
- 2 Mengukur Indeks Keterlihatan Citra UMT berdasarkan dimensi pengukuran keterlihatan jenama, publisiti dan promosi seperti nilai reputasi media dan bilangan *likers* atau *followers*.

KAEDAH PEMANTAUAN

- 1a. Bilangan penerbitan artikel dalam akhbar harian utama
- 1b. Bilangan liputan yang disiarkan melalui media elektronik
- 2a. Peningkatan nilai reputasi media
- 2b. Bilangan *"LIKES"* yang diperoleh melalui media sosial


OS5:

MENONJOLKAN KETERLIHATAN UMT SEBAGAI KAMPUS LESTARI

Pembangunan fizikal yang dilakukan secara sistematik, terancang dan lestari merupakan salah satu faktor yang dapat menjulang citra dan imej UMT sebagai sebuah gedung ilmu yang menyediakan ekosistem yang kondusif untuk kesejahteraan warganya. Selain

pembangunan mercu tanda yang melambangkan citra bidang tujuannya, UMT juga sedang menuju ke arah sebuah kampus hijau dengan pembangunan lestari secara lebih menyeluruh berpandukan dasar yang telah digariskan melalui Blueprint Kampus Lestari UMT.

KPI: Peratus pelaksanaan Blueprint Kampus Lestari




INISIATIF

1

Memanifestasikan pembangunan fizikal bersifat lestari berdasarkan Blueprint Kampus Lestari UMT.

KAEDAH PEMANTAUAN

1. Peratus pelaksanaan strategi Blueprint Kampus Lestari



Kesimpulan

Pelan Strategik UMT (PSUMT) 2018-2022 merupakan sebuah perancangan lima tahun yang terhasil daripada garapan bersama oleh semua pihak berkepentingan demi mengejar visi untuk menjadi sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani global. Pembangunan PSUMT 2018-2022 telah diujarkannya bersama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di samping mengambil kira agenda negara serta keperluan semasa dan akan datang. Penerapan unsur-unsur Pendidikan Tinggi 4.0 dalam perancangan ini merupakan salah satu inisiatif yang sejajar dengan perkembangan era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Oleh itu, landasan utama dibangunkan iaitu Teras Pemerkasaan Bakat Akademik, Teras Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Teras Pembangunan Pelajar,

Teras Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Teras Memacu Pemandangan Ilmu dan Jaringan Industri, Teras Keunggulan Global, Teras Kelestarian Kewangan dan Teras Pemantapan Citra. Kesemua teras ini disokong oleh 27 Objektif Strategi yang ingin dicapai serta 43 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebagai penilaian kepada keberkesanan strategi yang telah dirancang. Selain itu, sejumlah 86 Inisiatif telah digariskan bagi memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan baik.

UMT yakin bahawa PSUMT 2018-2022 merupakan sebuah perancangan yang akan mengemudi UMT mengecapi kecemerlangan yang lebih tinggi pada masa hadapan. UMT juga percaya bahawa seluruh warga akan berganding bahu dan komited dalam melaksanakan segala perancangan ini secara bersama ke arah menjadikan UMT terus gemilang.



Jasa Disanjung, Budi Dikenang

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:



YBHG. TAN SRI DATO' SERI (DR.) HALIM BIN MOHAMMAD

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

&

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti

YBHG. PROF. DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR

Naib Canselor UMT / Pengerusi Jawatankuasa Pemandu

Pelan Strategik UMT;

Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Penolong Naib Canselor

Pegawai-pegawai Utama dan Pegawai-pegawai Kanan

Pengerusi-pengerusi Teras

Penyelaras dan Pegawai Penghubung Pusat Tanggungjawab

Pusat Komunikasi Korporat

Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ECL) PPAL

Penerbit UMT

Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko selaku urus setia

serta semua pihak yang telah memberi sumbangan dan kerjasama dalam penggubalan dan penerbitan buku

PELAN STRATEGIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (PSUMT) 2018-2022




UMT

CANSELORI



Penerbit UMT
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Nerus, Terengganu
<http://penerbit.umt.edu.my>
E-mel: penerbitumt@umt.edu.my

ISBN 978-967-2320-17-3



9 789672 320173